

## **SIMBIOSIS TENTANG KONSEP KEPIMPINAN KEJANTANAN DALAM TUHFAT-AL-NAFIS**

*FARIZAN MD AMIN\**  
*Universiti Malaya*  
[farizan.md.amin@gmail.com](mailto:farizan.md.amin@gmail.com)

*HASHIM ISMAIL*  
*Universiti Malaya*  
[shim@um.edu.my](mailto:shim@um.edu.my)

*MOHD TAUFIK ARRIDZO MOHD BALWI*  
*Universiti Malaya*  
[taufik@um.edu.my](mailto:taufik@um.edu.my)

*\*Pengarang Perantara*

### **ABSTRAK**

Konsep kepimpinan Melayu yang berakar umbi dalam nilai budaya dan dipengaruhi oleh prinsip Islam menekankan suatu perspektif simbiosis antara keberanian, kebijaksanaan, dan daya bingkas serta daya ketahanan yang tinggi. Isu kepimpinan Melayu tersebut digarap melalui pelbagai tindakan yang menyalahi ajaran agama Islam dan nilai norma masyarakat Melayu yang dipaparkan menerusi kepimpinan terdahulu melalui peristiwa-peristiwa di dalam naskah sastera sejarah. Tambahan pula, aspek pemimpin yang mempamerkan sifat kejantanan lebih berpusat kepada kekuatan fizikal sahaja. Maka, makalah ini akan membincangkan konsep kepimpinan kejantanan yang lebih luas daripada hanya kekuatan fizikal semata-mata. Kajian ini juga menjelaskan hubungan dalam konsep kepimpinan kejantanan oleh Al-Ghazali (2013), yang mengandungi lima tingkatan akan menjadi penelitian sebagai kerangka konsep data analisis, iaitu keberanian dan ketegasan, keadilan dan integriti, kepedulian terhadap rakyat, kepatuhan kepada nilai-nilai agama, dan kemampuan untuk mengendalikan diri sendiri, dirujuk kepada individu seseorang pemimpin. Tamsilnya, konsep kepimpinan Melayu melangkaui kekuatan fizikal, dengan menekankan kepentingan keutamaan dalaman dan kecerdasan intelektual serta memupuk tatacara pentadbiran yang berkesan dan meningkatkan keharmonian masyarakat. Kesimpulannya, pemimpin Melayu aspek kejantanan menggabungkan ciri-ciri keberanian, kecerdasan, dan kekuatan mental, berasaskan tradisi budaya dan nilai agama, bagi keseimbangan antara kekuatan dan tanggungjawab demi melambangkan maskuliniti dalam kepimpinan Melayu.

**Kata Kunci:** sifat; kepimpinan; kejantanan; keberanian; kebijaksanaan

## A SYMBIOTIC STUDY ON THE CONCEPT OF MASCULINE LEADERSHIP IN TUHFAT-AL-NAFIS

### ABSTRACT

The concept of Malay leadership, rooted in cultural values and influenced by Islamic principles, emphasizes a symbiotic perspective that combines courage, wisdom, agility, and resilience. However, issues of Malay leadership are often portrayed through actions that contradict Islamic teachings and the moral norms of Malay society, as seen widely in Malay historiography texts. Additionally, leadership qualities have traditionally focused more on physical strength alone. Thus, this paper aims to explore a broader concept of masculine leadership beyond mere physical prowess. The study also examines the relationship between leadership and masculinity through the lens of Al-Ghazali (2013), which outlines five levels as the framework for data analysis. He discussed the courage and decisiveness, justice and integrity, care for the people, adherence to religious values, and self-discipline. These qualities are seen as essential attributes of a leader. In essence, the concept of Malay leadership extends beyond physical strength, emphasizing the importance of inner virtues and intellectual acumen while fostering effective governance and enhancing societal harmony. In conclusion, Malay leadership incorporates traits of courage, intelligence, and mental strength, grounded in cultural traditions and religious values, to achieve a balance between strength and responsibility, symbolizing masculinity within the context of Malay leadership.

**Keywords:** traits; leadership; masculinity; courage; intellectual

### PENGENALAN

Simbiosis yang merujuk kepada hubungan tentang kerjasama dan kebergantungan antara spesies seperti yang ditakrifkan oleh Heinrich (1879). Perkataan tersebut merujuk kepada interaksi rapat yang kerap kali berlaku untuk jangka panjang antara kedua-dua spesies yang berbeza. Hal tersebut berkaitan dengan kajian dalam bidang sains dengan lebih khusus kepada bidang biologi. Namun demikian, hal tersebut sudahpun menerima penggunaan sebelum beliau oleh Albert Bernhard Frank (1877) yang menggambarkan lingkungan manusia yang hidup bersama dalam sesebuah masyarakat.

Hubungan tersebut boleh merujuk kepada mutualisme, yang mana kedua-dua pihak mendapat manfaat antara satu sama lain. Mahupun parasitisme, di mana satu pihak mendapat manfaat dengan merugikan pihak yang lain. Apapun, konsep simbiosis bertujuan untuk menggambarkan hubungan kerjasama dan kebergantungan untuk menjadikannya lebih rapat dan mempengaruhi kelangsungan hidup satu sama lain.

Hubungan ini bukan sahaja mempengaruhi sesebuah ekosistem tetapi juga memainkan peranan penting dalam evolusi sesebuah kepimpinan. Hatta, konsep kepimpinan kejantanan dalam *Tuhfat Al-Nafis* melibatkan suatu ekosistem sifat-sifat kejantanan sebagai pemimpin. Peristilahan konsep kepimpinan kejantanan ini akan dibincangkan di dalam bahagian selanjutnya bagi memberikan gambaran yang lebih luas. Dalam konteks kajina ini, pengkaji akan meneliti bagaimana konsep kepimpinan dan kejantanan saling berhubung dan melengkapi dalam naratif teks tersebut.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Penelitian konsep kepimpinan agak meluas dikaji oleh para pengkaji terdahulu. Pelbagai teori atau pengkaedahan serta pendekatan dalam bidang kepimpinan telah diterapkan ke atas data lapangan. Berikut diberikan beberapa pengkaji awal dan para sarjana yang telah membuat kajian lalu tentang konsep kepimpinan secara am, dan konsep kepimpinan dalam teks kajian, iaitu *Tuhfat Al-Nafis* atau teks historiografi lain yang relevan dan signifikan bagi menambah nilai kajian ini.

### Kajian dalam Konsep Kepimpinan

Northouse (2022) ada menjelaskan tentang konsep kepimpinan sejak awal 1930-an hingga abad kedua puluh satu. Menurut beliau pada awal abad kedua puluh satu, pendekatan moral dalam kepimpinan mula berkembang dengan kemunculan kepimpinan autentik dan kepimpinan beretika. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan kejujuran dan integriti tetapi juga memasukkan elemen kerendahan hati dan unsur-unsur kerohanian atau spiritualiti sebagai asas penting dalam amalan kepimpinan.

Selain itu, teori dan kajian tentang kepimpinan telah memberikan perhatian kepada komunikasi yang efektif antara pemimpin dengan pengikut. Dalam organisasi yang semakin berkepelbagaian dari segi komposisi masyarakatnya, konsep kepimpinan inklusif diperkenalkan. Kepimpinan inklusif menekankan penerimaan dan penghargaan terhadap perbezaan, serta memastikan setiap individu mendapat peluang dan ruang untuk menyumbang kepada organisasi. Pendekatan-pendekatan baharu ini mencerminkan perubahan dalam paradigma kepimpinan, di mana kejayaan tidak lagi diukur hanya melalui pencapaian matlamat tetapi juga melalui hubungan yang terbina dengan pengikut, serta kesedaran moral dan tanggungjawab sosial pemimpin.

Menurut Hogan & Kaiser (2005) pula dalam makalah beliau yang berjudul *What We Know About Leadership* menjelaskan bahawa kepimpinan adalah salah satu topik paling penting dalam sains kemanusiaan dan secara sejarahnya merupakan salah satu aspek yang kurang difahami. Perbincangan tentang konsep kepimpinan penting atas dua sebab.

Pertama, kepimpinan menyelesaikan masalah bagaimana untuk mengatur usaha kolektif; oleh itu, ia menjadi kunci kepada keberkesanan sesebuah organisasi dalam tatapentadbirannya. Dengan kepimpinan yang baik, sesebuah organisasi (kerajaan, syarikat, universiti, hospital, tentera) berkembang dan maju. Apabila organisasi berjaya, kesejahteraan sistem kewangan dan kesihatan psikologi para anggotanya turut dipertingkatkan. Kedua, adalah tentang perspektif moral. Pemimpin yang buruk menyebabkan penderitaan yang dahsyat kepada mereka yang berada di bawah penguasaan mereka. Ketiga ialah aspek personality seseorang pemimpin. Ia boleh mencerminkan cara kepimpinan seseorang pemimpin.

Murphy (1941) pula dalam makalah beliau yang bertajuk *A Study of the Leadership Process* meneliti bahawa secara psikologi, konsep kepimpinan bukanlah sebuah konsep yang mudah untuk didalami apatah lagi dilaksanakan. Beliau menambah bahawa konsep kepimpinan tidak tertakluk kepada seseorang individu sahaja. Malah, ia berfungsi sebagai suatu ekosistem dalam masyarakat yang memberikan penekanan kepada semua aspek. Maka, kajian beliau memberikan tumpuan kepada aspek proses kepimpinan daripada hanya mengkaji aspek kualiti kepimpinan.

Menurut beliau lagi, sifat-sifat kepimpinan akan berubah mengikut situasi seperti keyakinan diri sendiri dan keyakinan diri dalam sesebuah kumpulan. Walaupun kajian tentang kepimpinan menunjukkan bahawa pemimpin biasanya mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai kebolehan untuk memimpin, generalisasi ini boleh mengelirukan. Faktor seperti pengetahuan,

ketegasan, nada suara, dan saiz merupakan komponen berkesan dalam menyelesaikan banyak situasi sosial. Hatta, faktor-faktor sedemikian sering dianggap sebagai kualiti kepimpinan. Namun, kepelbagaian faktor yang mungkin mempengaruhi seseorang personaliti seorang pemimpin tidak terhad. Kualiti kepimpinan akan berubah dan berbeza-beza tanpa batas kerana keperluan seseorang masyarakat yang juga sentiasa berubah.

### **Kajian Konsep Kepimpinan dalam Tuhfat Al-Nafis**

Yusof & Norazimah (2021) dalam jurnal artikelnya yang berjudul *Ciri-ciri Kepimpinan dan Kesannya dalam Tuhfat Al-Nafis karya Raja Ali Haji*, menjelaskan bahawa ciri-ciri kepimpinan yang terdapat dalam teks *Tuhfat al-Nafis* menggunakan pendekatan kepimpinan Islam. Dalam penulisan *Tuhfat Al-Nafis*, Raja Ali Haji mencatatkan melalui penulisannya bagi memenuhi visi dan misi sebuah kerajaan iaitu Melayu-Bugis. Dapatan kajian menemukan pemimpin yang memenuhi ciri-ciri kepimpinan yang berlandaskan Islam seperti berakhlak baik, kuat dan mengamalkan musyawarah menjadikan kerajaan di bawah pemerintahannya aman dan makmur.

### **Kajian Konsep Kepimpinan dalam Masyarakat Melayu**

Bagi mengukuhkan pendapat Yusof & Norazimah (2021) di atas tentang ciri-ciri kepimpinan yang berlandaskan Islam, Aulia (2021) dalam tesis sarjana beliau yang berjudul *Konsep Kepemimpinan dalam Tunjuk Ajar Melayu karya Tenas Effendi* membuat kajian tentang konsep kepemimpinan dalam tunjuk ajar Melayu karya Tenas Effendi serta penerapan atau sebaliknya sifat-sifat kepemimpinan dalam sesebuah daerah. Kajian beliau yang bersifat kualitatif mendapati bahawa kepemimpinan dalam tunjuk ajar Melayu meliputi sifat-sifat seperti siddiq, amanah, fatanah, tabligh. Beliau juga mendapati bahawa terdapat penyimpangan atau pelanggaran daripada sifat-sifat dalam tunjuk ajar Melayu seperti sifat amanah, pemimpin amal, pemimpin Jantan, pemimpin jujur, pemimpin asin dan pemimpin asin. Namun demikian, pemimpin cerdik dipegang teguh oleh pemimpin dalam kajian beliau.

Salmah Jan Noor Muhammad (2017) meninjau *Kepemimpinan Pemerintah Kesultanan Melayu dalam Menjalinkan Hubungan Diplomatik* dalam naskhah historiografik *Tuhfat al-Nafis* bersama gabungan *Sulalat al-Salatin*, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Tinjauan ini mendapati keberkesanan kepemimpinan terhadap hubungan diplomatik yang ditawarkan dan diterima kerajaan luar. Dapatan kajian menunjukkan pelbagai kaedah kepemimpinan yang digunakan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka dalam menggerakkan aspek ekonomi, sosial dan fizikal negara. Melalui *Tuhfat al-Nafis* dapat dikesan watak raja Sambas bernama Sultan Adil mengutus surat kepada Yang Dipertua Muda bertujuan menjalinkan diplomatik melalui ikatan perkahwinan.

Aspek diplomatik yang dibincangkan oleh Salmah Jan Noor Muhammad (2017) seialiran dengan pendapat Suryami (2014) tentang konsep musyawarah yang dipandang tinggi oleh masyarakat Minangkabau. Dalam makalah beliau yang berjudul *Konsep Kepimpinan dalam Tambo Minangkabau* ada membincangkan tentang konsep kepimpinan dalam masyarakat Tambo Minangkabau. Tambo Minangkabau ialah sebuah karya sastera sejarah yang memperistiwakan sejarah asal usul suku bangsa, asal usul pembukaan negeri, adat istiadat negeri Minangkabau.

Dengan menerapkan analisis struktural yang dibincangkan oleh Terry (2006), pengkaji cuba untuk mencerakinkan sedalam mungkin tentang keterkaitan dalam semua aspek yang terdapat dalam karya sastera tersebut kejadian-kejadian yang penting bagi menjelaskan maksud peristiwa yang telah berlaku secara menyeleruh. Beliau juga menjelaskan bahawa

kepemimpinan merupakan fenomena kemasyarakatan yang berpengaruh terhadap perkembangan corak dan arah kehidupan masyarakat yang berfungsi membentuk cita-cita, aspirasi dan nilai-nilai yang timbul kerana adanya interaksi antara pemimpin dan pengikutnya.

Tambo Minangkabau merupakan orang yang memimpin, memerintah, dan melindungi masyarakatnya. Tambah beliau lagi, orang Minangkabau senantiasa bermuafakat sebelum membuat keputusan. Semua pihak berhak untuk mengemukakan pendapat masing-masing tidak kira tua atau muda, lelaki atau perempuan. Selain muafakat, beliau juga membincangkan tentang sifat bijaksana sebagai tokoh pemimpin. Sifat kebijaksanaan menurut beliau terlihat di dalam bahagian cerita tentang asal usul harta pusaka yang diwarisi. Sebagai kesimpulan, beliau mengatakan bahawa sebagai seorang pemimpin, seseorang penghulu harus menanam dalam dirinya nilai-nilai moral kepemimpinan, iaitu bijaksana, adil dan berpendirian teguh akan konsep muafakat.

Konsep muafakat tersebut dapat dilihat dalam kajian teks *Tuhfat al-Nafis* melalui kajian Norain Ismail (2012) menerusi *Peperangan dalam Historiografi Johor: Kajian Terhadap Tuhfat al-Nafis*. Beliau meneliti sejarah peperangan yang disertai oleh orang Melayu dan Bugis khasya dalam *Tuhfat al-Nafis*. Kajian ini meninjau motif berlakunya peperangan, strategi, watak-watak yang terlibat dalam peperangan dan alat kelengkapan peperangan. Konsep bermusyawarah menjadi penyebab utama dalam kejayaan peperangan oleh tentera Bugis seperti yang diceritakan dalam *Tuhfat al-Nafis*.

### **Kajian Konsep Kepimpinan dalam Perspektif Islam**

Daripada perbincangan Aulia (2021) mengenai sifat-sifat kepimpinan yang berdasarkan Islamik, Nur Sofia Nabila *et. al* (2018) dalam kajiannya *Al-Quwwah: The Core of Leadership in Islam* mengangkat konsep *al-Quwwah* yang merupakan teras kepemimpinan dalam Islam. Unsur-unsur *al-Quwwah* adalah kekuatan fikiran (*'aqliyah*), kekuatan jiwa (*nafsiyyah*), pengetahuan dan kekuatan fizikal. *Al-Quwwah* ditakrifkan sebagai kemampuan untuk melaksanakan kepimpinan bersandarkan elemen kekuatan pengetahuan dan kekuatan fizikal.

Konsep kepimpinan yang berlandaskan Islam merupakan konsep kepimpinan yang paling asas bagi seorang pemimpin yang beragama Islam. Perbincangan tentang sifat-sifat seperti berakhlak mulia, bermusyawarah, amanah, bijaksana merupakan antara beberapa konsep kepimpinan yang menjadikan sesebuah pemerintahan menjadi lebih teguh sehingga aman dan makmur. Hal tersebut boleh dikaitkan dengan kemampuan seseorang pemimpin yang mempunyai kekuatan jiwa dan kekuatan fizikal sebagai melengkapi konsep kepimpinan yang juga merupakan aspek kejantanan dalam sesebuah kepimpinan. Selain aspek kejantanan, sarjana berikut membincangkan tentang kekuatan hubungan diplomatik yang dilihat sebagai konsep kejantanan. Hal ini adalah kerana sifat pemimpin yang mempunyai ciri jantan termasuk kekuatan jiwa dan kekuatan fizikal untuk menjadikan kerajaannya aman dan makmur.

Idris Zakaria (1995) menjelaskan dalam makalah beliau tentang gagasan falsafah politik al-Farabi tertumpu kepada ketua negara itu sendiri. Kemajuan, kemunduran, kebahagiaan, sesebuah negara bergantung kepada kebolehan pemimpin sebagai tokoh utama negara. Jelaslah, Al-Farabi menggariskan prinsip kepimpinan sebagai satu konteks penting dengan meletakkan prinsip kekuatan dan keutamaan baik mental, spiritual, dan fizikal. Pemimpin dikatakan lambang kepimpinan yang berkualiti tinggi malah contoh teladan seorang manusia yang mencapai tahap ilmu dan akhlak yang tinggi.

Secara rumusan, konsep kepimpinan kejantanan mengandungi simbiosis daripada perbincangan oleh para sarjana di atas. Sebagai seorang pemimpin yang mempunyai konsep kepimpinan kejantanan, beliau harus mempunyai keberanian, kebijaksanaan, dan sifat daya bingkas serta daya ketahanan yang tinggi. Tiga aspek kejantanan adalah seperti yang berikut:

(1) Keberanian fizikal yang mencerminkan keupayaan seorang pemimpin untuk melindungi rakyatnya; (2) Keberanian intelektual melibatkan pemikiran strategik, kemahiran membuat keputusan, dan sifat rendah hati, memastikan pemimpin bertindak dengan bijaksana dan berpandangan jauh; dan (3) Kekuatan mental pula, selari dengan prinsip kesabaran, membolehkan pemimpin menghadapi krisis dan cabaran dengan ketenangan serta ketabahan.

### KONSEP KEPIMPINAN KEJANTANAN

Bagi membincangkan tentang konsep kepimpinan kejantanan, pengkaji akan menjelaskan tentang istilah kejantanan menurut pandangan Tenas Effendy (2000) melalui buku yang berjudul *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu* dan juga pandangan Imam Al-Ghazali (2013) melalui *Ihya Ulumuddin*.

Kajian ini menunjukkan bahawa kepimpinan berasaskan sifat kejantanan bukan hanya tentang kekuatan fizikal, tetapi juga menekankan nilai moral, kebijaksanaan, dan tanggungjawab. Ia mungkin turut mengkaji bagaimana ideal ini penting dalam mengekalkan keharmonian dan tadbir urus dalam dunia Melayu pada masa lampau. Konsep maskuliniti atau kejantanan dalam kepimpinan merujuk kepada tingkah laku, dan peranan yang dibina secara sosial dan biasanya dikaitkan dengan lelaki dalam budaya tertentu. Hal ini termasuk ciri-ciri seperti kekuatan, ketegasan, daya saing, dan dominasi. Memahami maskuliniti adalah penting untuk mengkaji bagaimana gaya kepimpinan dan harapan berbeza dalam budaya yang berbeza, mempengaruhi persepsi tentang kuasa dan dinamik organisasi. Maskuliniti sering dilihat melalui lensa rangka kerja budaya, seperti Dimensi Budaya Hofstede yang diperkenalkan oleh Geert Hofstede dalam tahun 1970-an.

Rangka kerja ini menilai sejauh mana masyarakat menghargai ciri-ciri yang dianggap maskulin, mempengaruhi pendekatan kepimpinan dan tingkah laku organisasi. Sebagai contoh, dalam budaya yang sangat maskulin, kepimpinan mungkin dicirikan oleh tingkah laku yang lebih mengarah dan berorientasikan pencapaian, manakala budaya yang lebih menerima ciri-ciri feminin mungkin mengutamakan kolaborasi dan empati.

Selain itu, sifat maskuliniti bukanlah sesuatu tingkah laku yang statik; ia berkembang seiring perubahan norma masyarakat. Perbincangan kontemporari mengenai kepimpinan semakin menekankan kepentingan kecerdasan emosional dan kerentanan, mencabar pandangan tradisional tentang maskuliniti. Evolusi ini menekankan kepentingan inklusiviti dalam pembangunan kepimpinan, bertujuan untuk melahirkan pemimpin yang mampu menyesuaikan gaya mereka dengan pelbagai konteks dan mempromosikan perspektif yang berbeza.

Tenas Effendy (2000:107) melalui bukunya yang berjudul *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu*, menjelaskan bahawa pemimpin yang bersifat sebagai jantan, menurut orang tua-tua mengatakan bahawa “pemimpin jantan, patut dicontohi jadi ikutan, akal sempurna takah sepadan, gagah berani jadi pakaian”; atau dikatakan, “pemimpin jantan pemimpin ternama, bersua lawan pantang berkira, bersua musuh ianya mara, dalam bertugas tak sia-sia, dalam memimpin lakunya mulia.” Ungkapan adat menegaskan, “yang disebut pemimpin jantan, syarak dan adat jadi pakaian”. Dalam ungkapan beliau dikatakan juga:

Sebagai pemimpin hatinya jantan  
Gagahnya tidak memilih lawan

Setianya patut dijadikan kawan  
Beraninya dapat jadi andalan  
Dada berisi dipalut iman  
Hati jujur berbelas kasihan

Rakyat sejahtera hidup pun nyaman.


Dijadikan pemimpin ia teladan  
Dijadikan tua membawa keberkahan  
Dijadikan induk membawa kemuliaan  
Dijadikan tiang membawa kejayaan  
Dijadikan tudung membawa kedamaian  
Memimpin negeri membawa kedamaian.

Konsep kepimpinan jantan bukanlah merujuk kepada kegagahan fizikal samata-mata, bahkan berkaitan dengan akal sempurna serta takah sepadan yang bererti sikap dan tingkah laku yang elok dengan perbuatannya yang sensitif. Pendefinisian ini merujuk kepada analisis sifat kepimpinan yang secara tradisional dikaitkan dengan kejantanan, seperti keberanian, kekuatan, kehormatan, dan ketabahan serta bagaimana sifat-sifat ini digambarkan atau dihargai dalam sesebuah teks sastera sejarah.

Dalam konteks kepimpinan, "jantan" sering merujuk kepada kualiti yang biasanya dikaitkan dengan maskuliniti, seperti kekuatan, ketegasan, dan ketentuan. Ciri-ciri ini sering ditekankan dalam perbincangan mengenai kepimpinan yang berkesan, terutamanya dalam budaya yang menghargai sifat maskulin. Beberapa ciri utama "jantan" dalam kepimpinan termasuk:

1. Keberanian: Pemimpin dijangka berani dalam membuat keputusan dan bersedia mengambil risiko.
2. Ketegasan: Ciri ini melibatkan sikap tegas dan langsung, yang penting untuk membimbing pasukan dan memastikan kejelasan dalam objektif.
3. Kepemimpinan yang kuat: Ini sering bermaksud menunjukkan keyakinan dan kemampuan untuk mempengaruhi serta memberi inspirasi kepada orang lain.
4. Kemampuan membuat keputusan: Membuat keputusan yang cepat dan berkesan adalah penting, terutamanya dalam situasi yang tertekan.

RAJAH 1. Hubungan dalam konsep kepimpinan kejantanan oleh Tenas Effendy (2000)



Rajah 1 di atas menunjukkan hubungan antara ciri-ciri utama dalam konsep kepimpinan kejantanan seperti yang dibincangkan oleh Tenas Effendy (2000). Ciri-ciri utama tersebut menunjukkan bahawa hubungan antaranya bukan bersifat linear, bahkan boleh berlaku simbiosis antaranya. Ciri-ciri tersebut harus wujud dalam konsep kepimpinan kejantanan, namun tidak semestinya satu lebih dominan dengan yang lain. Kajian menunjukkan bahawa walaupun ciri-ciri ini sering diraikan, kepimpinan yang berkesan juga mengandungi kualiti yang secara

tradisinya dilihat sebagai feminin, seperti empati, kolaborasi, dan kecerdasan emosional. Keseimbangan antara ciri-ciri ini dapat meningkatkan keberkesanan pemimpin dalam pelbagai konteks.

Selain konsep kepimpinan kejantanan yang telah dibincangkan oleh Tenas Effendy (2000), konsep "jantan" dalam karya Imam Al-Ghazali (2013), khususnya dalam *Ihya Ulumuddin*, mengacu kepada keperibadian dan perilaku yang diharapkan daripada seorang pemimpin atau individu yang bertanggungjawab. Dalam pandangan Al-Ghazali (2013), jantan mencakupi aspek moral dan etika yang kuat, yang mana seseorang harus memiliki integriti, keberanian, dan keadilan dalam bertindak.

Tambahan lagi, Al-Ghazali (2013) menekankan pentingnya akhlak yang baik sebagai inti daripada keperibadian yang bersifat "jantan". Beliau berpendapat bahawa akhlak tidak hanya merupakan gambaran lahiriah tetapi juga mencerminkan keadaan batiniah. Seorang pemimpin yang jantan harus mampu mengendalikan hawa nafsu dan menunjukkan kepedulian terhadap orang lain. Perbuatan ini tercermin dalam tindakan-tindakan yang adil dan bijaksana dalam interaksi sosial, yang merupakan bahagian daripada muamalah dalam Islam.

Al-Ghazali (2013) menggariskan perlunya keseimbangan dalam tindakan. Dia berpendapat bahawa sifat pemimpin yang jantan bukan hanya tentang kekuatan fizikal atau dominasi tetapi juga melibatkan kemampuan untuk bersikap rendah hati dan mendepankan kepentingan masyarakat. Hal ini menciptakan sosok pemimpin yang bukan hanya dihormati tetapi juga dicintai oleh rakyatnya. Beliau juga merujuk kepada karakter dan etika pemimpin yang ideal. Berikut adalah beberapa sifat utama pemimpin jantan yang dikemukakan Al-Ghazali (2013):


1. Keberanian dan ketegasan: Seorang pemimpin harus memiliki keberanian untuk mengambil keputusan yang tepat dan tegas dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Keberanian ini bukan hanya dalam menghadapi musuh tetapi juga dalam memperjuangkan kebenaran dan keadilan dalam masyarakat.
2. Keadilan dan integriti: Pemimpin yang jantan harus bersikap adil dalam semua tindakan dan keputusan. Keadilan merupakan asas bagi kestabilan sesebuah masyarakat, dan pemimpin perlu menunjukkan integriti dengan bertindak berdasarkan prinsip dan nilai yang tinggi.
3. Kepedulian terhadap rakyat: Al-Ghazali (2013) menekankan bahawa pemimpin harus memiliki rasa empati dan kepedulian terhadap nasib rakyatnya. Perbuatan ini termasuk mendengar keluhan dan keperluan masyarakat serta berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.
4. Kepatuhan kepada nilai-nilai agama: Seorang pemimpin yang baik harus menjadikan nilai-nilai agama sebagai panduan dalam semua tindakan. Hal ini menunjukkan bahawa kepemimpinan tidak hanya sekadar urusan duniawi tetapi juga berkaitan dengan tanggungjawab ukhrawi.
5. Pengendalian diri: Pemimpin yang bersifat jantan perlu mengendalikan hawa nafsu dan emosi, serta bertindak dengan kebijaksanaan dalam menghadapi pelbagai situasi. Langkah ini termasuk kemampuan untuk mengawal kemarahan atau kesedihan semasa membuat keputusan penting.

Sifat-sifat ini mencerminkan pandangan Al-Ghazali (2013) tentang pentingnya akhlak dan moral dalam kepemimpinan. Naskah *Ihya Ulumuddin* perlu ditelusuri dengan lebih lanjut dan dijadikan rujukan bagi membahas konsep kepemimpinan dan kejantanan. Hubungan ini merupakan suatu simbiosis yang bukan sahaja mempengaruhi ekosistem tetapi juga memainkan peranan penting dalam evolusi sesebuah kepimpinan. Konsep kepimpinan kejantanan dalam




*Tuhfat Al-Nafis* melibatkan pengkahiran pemimpin yang berakhlak mulia. Sila rujuk Rajah 2 untuk melihat hubungan konsep kepimpinan kejantanan Al-Ghazali (2013):

RAJAH 2. Hubungan dalam konsep kepimpinan kejantanan oleh Al-Ghazali (2013)



Berdasarkan konsep kepimpinan kejantanan dalam bahagian sorotan kajian, pengkaji ada menukil simbiosis konsep kejantanan, iaitu keberanian fizikal, keberanian intelektual dan kekuatan mental. Konsep kejantanan Al-Ghazali (2013), merangkumi aspek kekuatan fizikal, mental, intelektual, dan akhlak mulia serta pegangan kepada nilai-nilai agama. Oleh yang demikian, data analisis kajian ini akan berlandaskan kepada perbincangan daripada dalam konsep kepimpinan kejantanan oleh Al-Ghazali (2013) yang didapati lebih menyeluruh.

RAJAH 3. Model Kajian Konsep Kepimpinan Kejantanan



Berdasarkan Rajah 3, model kajian konsep kepimpinan kejantanan merujuk kepada penggabungan konsep kepimpinan kejantanan yang telah dibincangkan secara terperinci di atas. Hubungan simbiosis memperlihatkan kaitan antara konsep kejantanan Tenas Effendy (2000) dengan konsep kejantanan yang dipelopori Al-Ghazali (2013). Model kajian konsep kepimpinan kejantanan menekankan *keberanian dan ketegasan* dalam membuat keputusan, di mana seorang pemimpin perlu berani menghadapi cabaran serta tegas dalam memastikan prinsip dan matlamat tercapai. Selain itu, *keadilan dan integriti* menjadi teras penting, mengharapkan pemimpin bertindak tanpa prejudis dan dengan ketelusan dalam setiap tindakan.

Pemimpin juga diharapkan memiliki *kepedulian terhadap rakyat*, menunjukkan empati dan kepekaan terhadap keperluan masyarakat. Kepemimpinan ini berakar pada *kepatuhan kepada nilai-nilai agama*, yang menjadi garis panduan kepada agama dan aspek moral dalam menentukan hala tuju dan tingkah laku pemimpin. Tambahan lagi, pemimpin perlu mempunyai *kemampuan untuk mengendalikan diri* dalam setiap situasi, tidak mudah dipengaruhi emosi atau kepentingan peribadi.

Model ini memberi tumpuan kepada bagaimana sifat-sifat tersebut diwujudkan melalui tindakan individu seorang pemimpin. Kepimpinan yang ideal ialah yang mampu mengimbangi ketegasan dengan belas ihsan, dan pada masa yang sama menegakkan nilai-nilai agama sebagai panduan utama. Pendekatan ini menggalakkan pemimpin untuk menjadi contoh teladan bagi masyarakat, memimpin dengan hikmah dan kebijaksanaan dalam mencapai kesejahteraan untuk rakyatnya. Rajah 3 menunjukkan model kajian konsep kepimpinan kejantanan sebagai pendekatan untuk menganalisis data kajian.

## TUHFAT AL-NAFIS

*Tuhfat al-Nafis* (bermaksud *Hadiah yang Berharga*) ialah karya sejarah penting yang ditulis oleh Raja Ali Haji, seorang tokoh intelektual dan sasterawan berketurunan Bugis-Melayu dari Riau-Lingga pada abad ke-19. Naskhah ini merangkumi sejarah Kesultanan Johor-Riau-Lingga dan kawasan sekitarnya, serta menekankan hubungan politik, konflik, dan persekutuan antara kerajaan-kerajaan Melayu dan kuasa kolonial seperti Belanda dan British.

Dalam kajian dan terjemahan oleh Matheson & Andaya (1982), mereka menekankan bahawa *Tuhfat al-Nafis* bukan sekadar rekod sejarah, tetapi juga mencampurkan tradisi lisan dan sumber bertulis. Ia menggabungkan peristiwa sejarah dan genealogi keluarga diraja dengan gaya penceritaan yang kaya dan penuh hiasan, tipikal dalam tradisi sastera Melayu klasik. Karya ini membincangkan peristiwa penting seperti perang, perpecahan politik dalam Kesultanan Johor-Riau-Lingga, dan interaksi diplomatik dengan kuasa luar.

Matheson (1982) juga menunjukkan bahawa terdapat variasi dalam beberapa versi manuskrip, mencerminkan usaha untuk memperindah teks melalui tambahan dan perubahan gaya penulisan. Secara dinamik, tentang konsep kepimpinan, ia sering digambarkan melalui tindakan sultan, pahlawan, dan tokoh politik, dengan naratif yang berkait rapat dengan konsep kehormatan, tanggungjawab, dan kejantanan. Karya ini bukan sahaja dianggap sebagai dokumen sejarah, tetapi juga sebagai karya sastera yang mencerminkan pandangan dunia dan kebijaksanaan masyarakat Melayu pada masa itu.

Matheson (1982) memberikan penilaian terhadap “karya agung” Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, yang bertahun-tahun ia digeluti, seperti berikut:

“Karya agung *Tuhfat al-Nafis* ini ialah karya sejarah Melayu yang paling kompleks dan canggih antara semua karya Melayu yang dikarang sebelum abad kedua puluh. Walaupun begitu, *Tuhfat al-Nafis* kurang diketahui dan dikaji pada abad ini, barangkali kerana pada zaman penjajahan Inggrs, teks

ini tidak digunakan di sekolah sebagai teks wajib. Sebelum kemerdekaan, anak Melayu membaca naskah pilihan daripada karya sejarah Melayu yang lain, misalnya Sejarah Melayu, Hikayat Abdullah, Hikayat Hang Tua. Penerbitan *Tuhfat al-Nafis* ini, dan dengan kesadaran bahwa karya ini merupakan kemuncak yang gemilang dalam pernyataan pemikiran dan kebudayaan Melayu, akan membangkitkan lagi kebanggaan terhadap kejayaan penulisnya, Raja Ali Haji.”

Berdasarkan temuan sejarah karya agung *Tuhfat al-Nafis* ini ialah karya sejarah Melayu yang paling kompleks dan canggih antara semua karya Melayu yang dikarang sebelum abad kedua puluh. Karya ini merupakan pemuncak yang gemilang dalam pernyataan pemikiran dan kebudayaan Melayu, akan membangkitkan lagi kebanggaan terhadap kejayaan penulisnya, Raja Ali Haji.

Hasan Junus (1988) menyifatkan *Tuhfat al-Nafis* sebagai naskah sejarah yang mencakupi lingkaran luas kawasan daerah Melayu dari sepanjang pesisir timur Pulau Sumatra, Tanah Semenanjung dan sampai ke Pulau Kalimantan di sebelah barat (dalam bayang-bayang menjelas hingga ke kepulauan Sulu dan Sulawesi) dipusatkan pada kawasan Kepulauan Riau selama abad ke-18 dan abad ke-19. *Tuhfat al-Nafis* juga merupakan paparan untuk pembaca menceduk contoh-contoh raja sebagai pemerintah di negeri-negeri yang penduduknya beragama Islam dengan menyelami adat dan hukum Islam.

Beliau menukil kata-kata Raja Ali Haji kepada Temenggong Abu Bakar, iaitu “Maka hendaklah membaca sejarah dan sjarah karangan aku dari awal hingga akhirnya dan perhatikan baik-baik”. Begitulah nasihat Raja Ali Haji yang diberikannya pada bulan April 1868 melalui dua orang utusan, saudara sepupu Temenggong itu dan Datuk Bentara Johor. Maka, tidak syak lagi bahawa *Tuhfat al-Nafis* merupakan sebuah karya atau hadiah yang berharga untuk masyarakat ke depan. Hakikat ini tidak dapat disangkal oleh para sarjana tentang status *Tuhfat al-Nafis* sebagai “hadiah yang berharga” atau *the precious gift*.

J. Noorduyn (1988) menerusi perbincangan beliau yang bertajuk *The Bugis Genealogy of the Raja Muda Family of Riau-Johor* mengatakan bahawa *Tuhfat al-Nafis* merupakan karya yang sangat terkenal dan mencatatkan sejarah Kesultanan Johor dan juga mencatatkan sejarah jurai keturunan penulis iaitu Raja Haji Ahmad yang mencetus laluan untuk penulisan kepada anakanda beliau, Raja Ali Haji untuk meneruskannya. Mereka merupakan dari kalangan jurai keturunan Bugis yang menjadi raja-raja Muda.

Dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, Sitti Mallangke, merupakan jurai keturunan daripada Sulaiman dan Balqis menurut versi Pontianak yang dijelaskan oleh Ahmad al-Patani, Datu Palinge merupakan putera pasangan tersebut. Sejak awal lagi, Islam sudah memasuki rumpun ini. Menurut Noorduyn, “... *the authors of the Tuhfat al-Nafis mention no supernatural deeds of the early kings and perhaps in an attempt to rationalise the story, confine themselves to noting that Saweriagding was a man who travelled widely... The authors of the Tuhfat al-Nafis also give evidence of a similar rational attitude towards the story of Queen Balqis being the ancestor of their line of descent.*”

Menurut kenyataan beliau, teks *Tuhfat al-Nafis* tidak menggambarkan peristiwa-peristiwa *supernatural* atau sesuatu yang luar daripada logika seseorang raja. Perkara ini sejajar dengan kenyataan Matheson (1991), iaitu salah satu sifat utama historiografi Bugis ialah memberi perhatian lebih berat kepada fakta bukannya mitos. Tamsilnya, teks *Tuhfat al-Nafis* sebagai “hadiah yang berharga” mengandungi nilai kebudayaan yang ketara tersebut.

## METODOLOGI

Kajian ini menjadikan teks *Tuhfat al-Nafis* sebagai sumber primer. Pendekatan yang diambil oleh pengkaji ialah perbincangan secara deskriptif dengan menggunakan analisis kualitatif. Penjelasan Al-Ghazali (2013) tentang keseimbangan dalam tindakan sifat pemimpin yang jantan menjadi pengukuhan kepada analisis kajian. Beliau menjelaskan bahawa kejantanan bukan hanya tentang kekuatan fizikal atau dominasi tetapi juga melibatkan kemampuan untuk bersikap rendah hati dan berusaha untuk memberi tumpuan akan kepentingan masyarakat serta merangkumi unsur-unsur yang berakhlak mulia.

Kajian ini menerapkan kerangka konsep yang menjelaskan hubungan dalam konsep kepimpinan kejantanan oleh Al-Ghazali (2013), yang mengandungi lima tingkatan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 untuk menganalisis data analisis *Tuhfat al-Nafis*. Lima tingkatan tersebut ialah iaitu keberanian dan ketegasan, keadilan dan integriti, kepedulian terhadap rakyat, kepatuhan kepada nilai-nilai agama, dan kemampuan untuk mengendalikan diri sendiri, dirujuk kepada individu seseorang pemimpin. Dengan mengemukakan beberapa contoh daripada teks *Tuhfat al-Nafis*, makalah ini memperlihatkan tahap kejantanan sebagai pemimpin yang paling menonjol.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan dan dapatan analisis dalam bahagian ini akan merujuk kepada penjelasan yang sudah dilaksanakan dalam bahagian metodologi kajian, yang mana menjelaskan hubungan dalam konsep kepimpinan kejantanan oleh Al-Ghazali (2013), yang mengandungi lima tingkatan akan menjadi penelitian sebagai kerangka konsep data analisis.

### Keberanian dan Ketegasan

Konsep kepimpinan kejantanan yang merujuk kepada keberanian dan ketegasan, mendefinisikan seorang pemimpin yang memiliki keberanian untuk mengambil keputusan yang tepat dan tegas dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Keberanian ini bukan hanya dalam menghadapi musuh tetapi juga dalam memperjuangkan kebenaran dan keadilan bagi masyarakatnya.

Contoh pertama yang akan dibincangkan adalah seperti dalam **Jadual 1**, berikut:

JADUAL 1. Contoh-contoh Keberanian dan Ketegasan dalam *Tuhfat al-Nafis*

S/N	<i>Tuhfat al-Nafis</i> (TN)		Konsep Kepimpinan Kejantanan
	Muka Surat	Data Analisis	
(1)	81	<i>Syahdan orang-orang Bugis serta orang-orang Riau pun masuklah ke dalam perdalaman Yang Dipertuan Kedah yang muda itu, maka <b>merampaslah</b> segala Bugis-Bugis dan orang-orang Riau yang mengiringkan Yang Dipertuan Muda itu. Syahdan apabila sudah selesai daripada peperangan itu maka Yang Dipertuan Muda serta Upu-Upu saudaranya pun berjumpalah dengan Yang Dipertuan Kedah <b>hendak minta balik kerana</b></i>	<i>Keberanian dan Ketegasan</i>

		<i>pekerjaan sudah selamat. Maka dibayar oleh Yang Dipertuan Kedah yang tuanya tu tiga bahara ringgit selaginya itu bertanggung.</i>	
--	--	--	--

Contoh analisis (1) merupakan peristiwa peperangan pertama di Kedah. Raja Kedah yang tua berjanji dengan Upu-Upu itu sekiranya mereka berhasil, mereka akan diberi hadiah sebanyak lima belas bahara wang. Hadiah wang tersebut bukanlah sesuatu yang dipaksa oleh Upu-Upu Bugis. Maka, berperanglah mereka masuk ke Kedah, mengambil yang hak kepada raja Kedah yang tua dan mengiringkan yang muda untuk merampas semula supaya keadaan itu menjadi seperti sedia kala.

Sebagai seorang pemimpin yang memiliki keberanian untuk mengambil keputusan yang tepat dan tegas dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Upu-Upu Bugis melaksanakannya dengan strategi peperangan antara mereka yang menggambarkan nilai kepimpinan jantan. Tambahan lagi, Upu-Upu Bugis meminta hadiah wang seperti yang dijanjikan oleh raja Kedah. Namun, perjanjian itu tidak dapat dilaksanakan oleh Yang Dipertua Raja Kedah sepenuhnya. Yang dijanjikan lima belas bahara ringgit tetapi hanya diberi tiga bahara ringgit.

Kata Yang Dipertua Raja Kedah, yang selebihnya ditangguhkan. Maka, Upu-Upu Bugis pun tidak mendesak kerana percaya akan sifat kepimpinan seorang pembesar negeri yang berpegang pada janji. Keberanian ini bukan hanya dalam menghadapi musuh tetapi juga dalam memperjuangkan kebenaran dan keadilan bagi masyarakatnya. Peristiwa tersebut menunjukkan keberanian dan ketegasan seperti yang dijelaskan oleh Al-Ghazali (2013).

Peristiwa mengenai pemulangan baki wang ini tidak menjadi kesampaian setelah kematian Yang Dipertua Raja Kedah. Beliau digantikan dengan anaknya. Setelah menuntut baki wang yang berhutang tersebut, enggan diberikan. Fokus kepada nilai kepimpinan jantan dalam contoh ini ialah tentang kemampuan Yang Dipertuan Muda Daeng Parani untuk berdepan raja muda Kedah dan merampas semula kerajaan untuk diserahkan kepada Yang Dipertua Raja Kedah yang asli. Dengan sikap keberanian dan penuh hemah dan berakal, Daeng Parani dan Upu-Upu Bugis mempamerkan sikap jati diri seorang lelaki atau kejantanan yang mulia.

### **Keadilan dan Integriti**

Konsep kepimpinan kejantanan dalam keadilan dan integriti menggambarkan pemimpin yang harus bersikap adil dalam semua tindakan dan keputusan. Keadilan yang dijelaskan merupakan asas bagi kestabilan sesebuah masyarakat, dan pemimpin konsep kejantanan ini perlu menunjukkan sikap integriti dalam bertindak.

Contoh pertama yang akan dibincangkan adalah seperti dalam **Jadual 2**, berikut:

JADUAL 2. Contoh-contoh Keadilan dan Integriti dalam *Tuhfat al-Nafis*

S/N	<i>Tuhfat al-Nafis</i> (TN)		Konsep Kepimpinan Kejantanan
	Muka Surat	Data Analisis	
(1)	24	<i>...ialah yang mengalahkan Raja Kecil yamtuan Siak diambilnya Riau daripada tangan Raja Kecil diserahkan Riau dengan segala takhluk daerahnya kepada Raja Sulaiman, serta dilantiknya Raja Sulaiman</i>	<i>Keadilan dan Integriti</i>

		<i>itu menjadi raja Johor dengan segala takhluk daerahnya.</i>	
--	--	--	--

Contoh analisis (1) menggambarkan pemimpin yang perlu bertindak adil dalam setiap keputusan. Ini melibatkan kebijaksanaan dan keberanian untuk membuat keputusan yang memberi manfaat kepada semua pihak. Integriti pula merujuk kepada ketulusan dan komitmen pemimpin dalam melaksanakan tanggungjawabnya tanpa mengabaikan etika dan kepercayaan rakyat.

Kisah dalam teks ini berkaitan dengan peristiwa sejarah di mana Raja Kecil, Yamtuan Siak, ditewaskan dan kawalan Riau diambil daripada tangannya. Selepas itu, Riau diserahkan kepada Raja Sulaiman, dan baginda dilantik sebagai Raja Johor. Tindakan ini menunjukkan kepentingan penyelesaian konflik dan pembahagian kuasa demi kestabilan rantau tersebut.

Keputusan untuk melantik Raja Sulaiman sebagai raja dan menyerahkan daerah Riau kepadanya menggambarkan ciri-ciri ketegasan, keberanian, dan kebijaksanaan – sifat utama dalam kepimpinan kejantanan. Tindakan tersebut juga menunjukkan keadilan dan integriti, kerana kuasa dan wilayah diserahkan dengan tujuan memastikan kestabilan politik dan kestabilan masyarakat di Johor-Riau.

Implikasinya ialah kestabilan masyarakat dan wilayah adalah matlamat utama dalam kepimpinan berteraskan kejantanan. Keputusan yang melibatkan pembahagian kuasa seperti ini bukan sahaja memerlukan keberanian tetapi juga keupayaan membuat pilihan adil demi kebaikan bersama. Pemimpin yang berintegriti akan sentiasa memastikan tindakannya tidak hanya untuk keuntungan peribadi, tetapi demi kepentingan seluruh rakyat dan wilayah di bawah tadbirannya.

### **Kepedulian Terhadap Rakyat**

Al-Ghazali (2013) menekankan bahawa pemimpin harus memiliki rasa empati dan kepedulian terhadap nasib rakyatnya. Perbuatan ini termasuk mendengar keluhan dan keperluan masyarakat serta berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Contoh pertama yang akan dibincangkan adalah seperti dalam **Jadual 3**, berikut:

JADUAL 3. Contoh-contoh Kepedulian Terhadap Rakyat dalam *Tuhfat al-Nafis*

S/N	<i>Tuhfat al-Nafis</i> (TN)		Konsep Kepimpinan Kejantanan
	Muka Surat	Data Analisis	
(1)	130	<i>Adapun YDM apabila sudah Raja Buang itu balik ke perahunya, maka YDM pun berdatang sembah kepada Sultan Sulaiman demikianlah sembahnya, "<b>Pada pendapatan patik</b> orang-orang Riau dan orang-orang Terengganu itu tak usahlah berperang melanggar di darat, biarlah patik-patik semua orang-orang Selangor sahaja bahagian di darat. Adapun orang Riau dan orang Terengganu sediakan saja hadapkan mulut meriam itu kepada pihak Raja Buang itu kerana kita tiada sedap hati mendengar perkataannya, kerana saudaranya lagi</i>	<i>Kepedulian Terhadap Rakyat</i>

		<i>dilanggarnya."</i>	
--	--	-----------------------	--

Contoh analisis (1) pula merupakan peristiwa tentang Daeng Kemboja dan peperangan di Siantan. Bermusyawarahlah Yang Dipertuan Muda dengan segala Bugis-Bugis. Yang Dipertuan Muda sudah mengetahui bahawa hasrat atau niat jahat Raja Buang yang datang tidak memihak kepada mana pihak kerana satu pihak kepada abang, satu lagi pihak kepada ayah saudara. Maka, tidak menentu sama ada kawan atau lawan. Baginda Sulaiman sudah mengetahui dan menyerahkan tugas kepada Yang Dipertuan Muda untuk menggalas tanggungjawab. Maka, timbul rasa empati dan kepedulian masyarakat serta berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Selain timbul mempunyai rasa empati dan sifat kepedulian, sebagai seorang pemimpin yang berakal dan gagah berani, atau bersifat jantan, perlu juga untuk ada unsur kesabaran agar tidak tersilap langkah.

Yang Dipertuan Muda tidak terdorong-gagah untuk membuat keputusan atau terburu-buru untuk mengisytiharkan perang. Sebaliknya, Yang Dipertuan Muda mengambil jalan untuk bermusyawarah dan bermuafakat dengan Upu-Upu Bugis sebelum mengambil tindakan. Langkah tersebut ternyata mencerminkan seorang pemimpin yang berakal tinggi walaupun sebenarnya boleh mengambil keputusan secara sendiri.

Sejak pertabalan Yang Dipertuan Muda melalui Daeng Merewah, sumpah setia untuk menjalankan tugas secara bersama, iaitu bermusyawarah dan bermuafakat tanpa bertelingkah merupakan satu ekosistem yang lumrah. Yang tua dihormati dan yang muda disayangi. Nilai-nilai tersebut sealiran dengan syiar Islam jika diteliti dengan lebih mendalam. Kesabaran juga perlu sebagai seorang pemimpin agar setiap keputusan tidak mencelakan kepimpinannya.

### **Kepatuhan kepada Nilai-nilai Agama**

Seorang pemimpin yang baik harus menjadikan nilai-nilai agama sebagai panduan dalam semua tindakan. Hal ini menunjukkan bahwa kepemimpinan tidak hanya sekadar urusan duniawi tetapi juga berkaitan dengan tanggungjawab ukhrawi.

Contoh pertama yang akan dibincangkan adalah seperti dalam **Jadual 4**, berikut:

JADUAL 4. Contoh-contoh Kepatuhan kepada Nilai-nilai Agama dalam *Tuhfat al-Nafis*

S/N	<i>Tuhfat al-Nafis</i> (TN)		Konsep Kepimpinan Kejantanan
	Muka Surat	Data Analisis	
(1)	64	<i>Kemudian muafakatliah ia dengan segala saudaranya serta punggawa menterinya iaitu Daing Menampuk, Daing Massuro dan Daing Manggantuk.</i>	<i>Kepatuhan kepada Nilai-nilai Agama (Musyawarah)</i>

Pemimpin yang baik bukan hanya tegas dan bijak, tetapi perlu menjadikan nilai-nilai agama sebagai panduan dalam setiap tindakan dan keputusan.

Dalam Islam, seorang pemimpin harus memimpin dengan keadilan, amanah, kesederhanaan, dan tanggungjawab kerana kepimpinannya adalah amanah dari Allah, bukan sekadar urusan dunia semata-mata. Ini bermakna keputusan yang diambil bukan hanya untuk kemaslahatan duniawi tetapi juga berkait dengan kehidupan ukhrawi.

Berdasarkan contoh analisis (1) muafakat antara pemimpin dan pembesar seperti Daing Menampuk, Daing Massuro, dan Daing Manggantuk menggambarkan konsep musyawarah, iaitu salah satu nilai utama dalam kepemimpinan Islam. Konsep musyawarah memastikan bahawa keputusan dibuat dengan kerjasama dan mengambil kira pandangan setiap pihak yang berkepentingan. Hal ini untuk mengelakkan amalan yang bersifat kuku besi dan memastikan keputusan lebih seimbang dan diterima oleh masyarakat.

Seorang pemimpin yang patuh kepada nilai-nilai agama perlu sentiasa memastikan tindakannya membawa kepada kebaikan, keadilan, dan keseimbangan, selaras dengan ajaran Islam. Perbuatan ini menuntut sifat jujur, amanah, dan tawaduk. Kerjasama antara pemimpin dan para pembesar (Daing Menampuk, Daing Massuro, dan Daing Manggantuk) menunjukkan bahawa kepimpinan yang berkesan memerlukan kekuatan kolektif. Dalam kepimpinan Islam, pemimpin tidak bertindak sendirian, tetapi berkongsi kuasa dengan penasihat dan pegawai bagi memastikan keputusan yang dibuat memberi manfaat kepada semua pihak. Kejantanan dalam kepimpinan bukan hanya bermakna keberanian dan kekuatan fizikal, tetapi juga keberanian moral untuk mematuhi ajaran agama dan memastikan keadilan ditegakkan.

Pemimpin yang berjaya ialah mereka yang mampu menggabungkan kekuatan peribadi dengan nilai agama dan muafakat bersama rakan kepimpinan, seperti yang ditunjukkan dalam kerjasama dengan Daing Menampuk dan saudara-saudaranya.

### Pengendalian Diri

Pemimpin yang bersifat jantan perlu mengendalikan hawa nafsu dan emosi, serta bertindak dengan kebijaksanaan dalam menghadapi pelbagai situasi. Langkah ini termasuk kemampuan untuk mengawal kemarahan atau kesedihan semasa membuat keputusan penting.

Contoh pertama yang akan dibincangkan adalah seperti dalam **Jadual 5**, berikut:

JADUAL 5. Contoh-contoh Pengendalian Diri dalam *Tuhfat al-Nafis*

S/N	<i>Tuhfat al-Nafis</i> (TN)		Konsep Kepimpinan Kejantanan
	Muka Surat	Data Analisis	
(1)	73	<i>Maka penghulu Linggi pun tunduk kepada Bugis maka dapatlah Linggi itu kepada tangan Upu-Upu itu. Maka lalu bersetialah dan berjanji penghulu Linggi itu dengan raja Bugis tiada menderhaka kepada raja-raja Bugis, dan tiada khianat lagi selama-lamanya kepada Upu itu hingga hari yang di belakang.</i>	<i>Pengendalian Diri (Kawalan Diri)</i>

Pemimpin konsep kejantanan perlu memiliki keupayaan mengawal emosi dan hawa nafsu, termasuk kemarahan, kesedihan, atau rasa ingin membalas dendam. Perkara ini penting untuk memastikan setiap tindakan dan keputusan yang diambil adalah berdasarkan kebijaksanaan dan bukannya dorongan emosi. Dalam konteks ini, kebijaksanaan pemimpin Bugis dapat dilihat apabila mereka mampu mengendalikan situasi tegang dengan penghulu Linggi, yang akhirnya membawa kepada perjanjian dan kesetiaan tanpa perlu menggunakan kekerasan yang berlebihan.



Contoh analisis (1) menjelaskan bahawa Bugis berjaya menundukkan Linggi melalui persetujuan dan janji setia. Ini menunjukkan bahawa pemimpin yang bijaksana tidak semestinya bergantung pada kekuatan fizikal atau keganasan untuk mencapai matlamat tetapi lebih mengutamakan diplomasi dan perundingan.

Keputusan penghulu Linggi untuk bersetia kepada raja-raja Bugis mencerminkan bahawa kepimpinan Bugis berjaya meraih kepercayaan dan kesetiaan daripada pihak lain, suatu ciri penting dalam kepimpinan jantan yang berwibawa. Janji untuk tidak menderhaka atau berkhianat menunjukkan bahawa kepimpinan yang baik menuntut amanah. Hal ini mengukuhkan hubungan antara pihak-pihak bekepentingan dan mengelakkan konflik pada masa hadapan.

Pemimpin Bugis berjaya memastikan bahawa kesetiaan Linggi bukan sekadar kerana paksaan tetapi dibina atas asas kepercayaan dan kerjasama serta satu tanda kebijaksanaan dan pengendalian emosi dalam kepimpinan. Pemimpin yang bijaksana memahami bahawa keputusan yang dibuat dalam keadaan marah atau sedih boleh membawa kepada kesilapan yang merugikan.

Dalam teks ini, keputusan Bugis untuk menerima janji setia penghulu Linggi dan tidak bertindak dengan kekerasan menunjukkan kematangan emosi. Mereka mampu mengekalkan fokus pada matlamat jangka panjang, iaitu kestabilan dan kerjasama yang berpanjangan. Kejayaan Bugis dalam menguasai Linggi tanpa pengkhianatan pada masa depan mencerminkan kepimpinan jantan yang seimbang antara ketegasan dan kebijaksanaan. Pengendalian emosi bukanlah tanda kelemahan tetapi menunjukkan kekuatan dalaman seorang pemimpin yang dapat mengatur strategi dengan tenang dan memastikan hasil yang terbaik untuk semua pihak.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah meneliti konsep kepimpinan kejantanan dalam *Tuhfat al-Nafis* dan menggariskan simbiosis dalam konteks pandangan Al-Ghazali (2013) mengenai kepimpinan kejantanan. Hubungan dalam konsep kepimpinan yang bersifat jantan seperti keberanian dan ketegasan, keadilan dan integriti, serta kepedulian terhadap rakyat menjadi tunjang kepada kepemimpinan yang efektif. Hal tersebut menunjukkan bahawa pemimpin yang baik perlu mempunyai komitmen yang tinggi terhadap nilai-nilai moral dan agama, serta kemampuan untuk mengekalkan akhlak yang mulia. Penghayatan terhadap nilai-nilai ini bukan sahaja membantu dalam memperkukuh kedudukan pemimpin, tetapi juga dalam memastikan hubungan yang harmoni antara pemimpin dan masyarakat.

Secara keseluruhannya, kajian ini mengesahkan bahawa konsep kejantanan dalam kepimpinan, seperti yang terdapat dalam *Tuhfat al-Nafis*, adalah suatu entiti yang kompleks dan bertahap. Ia bukan sahaja melibatkan aspek fizikal tetapi juga memerlukan kecerdasan emosi dan moral yang tinggi. Dengan merujuk kepada konsep kejantanan Al-Ghazali (2013), jelas bahawa kepimpinan yang unggul memerlukan keseimbangan antara kekuatan fizikal, mental, dan pegangan kepada nilai-nilai agama serta akhlak yang mulia. Oleh itu, kajian ini membuka ruang untuk penelitian lanjut mengenai bagaimana konsep kepimpinan kejantanan dapat diterapkan dalam konteks kepemimpinan moden dan memperkasa masyarakat pada hari ini.

## RUJUKAN

- Albert J. Murphy. 1941. A Study of the leadership process. *American Sociological Review*, 6(5), p. 674–687. <https://doi.org/10.2307/2085506>.
- Al-Ghazali. 2008. *Ihya ulumuddin: Jalan menuju penyucian jiwa*. Pena Pundi Aksara.
- Al-Ghazali. 2013. *Ihya ulumuddin* (Vols. 1-4). Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Bass, B.M. and Avolio, B.J. 1994. *Improving organizational effectiveness through transformational leadership*. Thousand Oaks CA: Sage Publications.
- Bolden, R. 2004. *What is leadership?* University of Exeter: Centre for Leadership Studies. Leadership South West, Research Report 1, July 2004.
- Ciulla, J. B. (ed.). 1998. *Ethics: The heart of leadership*. Westport, CT: Quorum.
- Farizan Md Amin, Hashim Ismail & Mohd Taufiq Arridzo Mohd Balwi. 2022. Akal pemimpin dalam ungkapan Melayu oleh Tenas Effendy dilihat dalam teks *Sulalat u's Salatin*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(2), 205-222. [http://doi.org/10.37052/jm.15\(2\)no3](http://doi.org/10.37052/jm.15(2)no3).
- Hasan Junus. 1988. *Raja Ali Haji: Budayawan di Gerbang Abad XX*. Pekanbaru, Riau, Indonesia: Universitas Islam Riau Press.
- Hogan, R. and Kaiser, R. B. 2005. What we know about leadership? *Review of General Psychology*, 9 (2), 169-180.
- Holmes, J. 2009. Men, masculinities and leadership: Different discourse styles at work. In gender and spoken interaction by Pia Pichler and Eva Eppler, p. 186-210. Palgrave Macmillan.
- Idris Zakaria. 1995. Perbezaan negara baik dan tidak baik menurut al-Farabi. *Islamiyyat*. (16). 33-47.
- Kellerman, B. 2004. Leadership: warts and all. *Harvard Business Review*, January 2004, p. 40-45.
- Matheson, V. & Andaya, B. W. 1982. *The precious gift (Tuhfat Al-Nafis)*. Oxford University Press.
- Matheson, V. 1998. *Tuhfat al-Nafis karangan Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noorduyn, J. 1988. The Bugis genealogy of the Raja Muda family of Riau-Johor. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 61 (2) (255), 63-92.
- Norain Ismail. 2012. *Peperangan dalam historiografi Johor: Kajian terhadap Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norazimah Zakaria. 2012. “Kepengarangan hikayat Melayu dan Tuhfat Al-Nafis” dlm *Jurnal Pendeta*. Tanjong Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Jilid 3. Hlm: 116-138.
- Northouse, P.G. 2022. *Leadership: Theory & Practice* (9<sup>th</sup> Ed.). California: SAGE Publications Ltd.
- Nur Sofea Nabila *et.al.* 2018. Al-quwwah: The core of leadership in Islam. *International Journal of Engineering & Technology*, 7 (3.25), 399-402.
- Salmah Jan Noor Muhammad. 2017. Kepemimpinan pemerintah kesultanan Melayu dalam menjalin hubungan diplomatik. *Jurnal Melayu*, 16 (1), 2- 15.
- Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Eizah Mat Hussien & Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi. 2020. Keruntuhan akhlak menerusi novel Perempuan Politikus Melayu berdasarkan perspektif Al-Ghazali. *Jurnal Pengajian Melayu*, 35 (1), 106-120.
- Suryami. 2014. Konsep kepemimpinan dalam Tambo Minangkabau. *Kandai*, Vol. 10, No. 2, p. 203-215. Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, Indonesia.
- Tenas Effendy. 2000. *Pemimpin dalam ungkapan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusof, A. M., & Zakaria, N. 2021. Ciri-Ciri kepimpinan dan kesannya dalam Tuhfat Al-Nafis karya Raja Ali Haji. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (13), 24-36. DOI: 10.35631/IJHPL.413003.

**Biodata Penulis:**

**Farizan Bin Md Amin** merupakan seorang calon PhD di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang yang dikaji beliau ialah sastera sejarah atau historiografi.

**Hashim Ismail (PhD)** ialah seorang ahli akademik dalam bidang Pengajian Melayu yang mempunyai pengalaman luas dan berkhidmat di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya sejak tahun 1988. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan dan Timbalan Pengarah serta Pengarah Pusat Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau adalah dalam kesusasteraan Melayu khususnya sastera Melayu moden seperti cerpen dan novel.

**Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi (PhD)** merupakan seorang pensyarah kanan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau kini berkhidmat sebagai ketua jabatan dalam Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau adalah dalam kesusasteraan Islam dan kajian dalam manuskrip-manuskrip Melayu.